

# Seruan Terbuka

Di majalah Qalam bilangan yang lalu kita telah berjanji kepada para pembaca sekalian untuk menyiarkan suatu seruan penting daripada Faḍīlah al-Shaykh Nadīm al-Jasser Mufti Tripoli Lubnan yang ditujukan kepada setiap orang Muslim dan negara-negara Islam di seluruh dunia, mengenai terbitnya “Qur’an moden” berbentuk baru yang menyalahi susunan asalnya – menurut *al-Rasm al-‘Uthmānī* – yang telah disusun oleh Saiyidina ‘Uthmān bin ‘Affān dan diakui oleh para ulama salaf dan khalaf hingga ke zaman ini.

Semoga seruan beliau itu akan mendapat perhatian yang sepenuhnya oleh sekalian para alim ulama, orang perseorangan, pertubuhan-pertubuhan Islam di negeri ini dengan memberikan buah fikiran dan menentang serta menyekat supaya Qur’an moden itu tidak akan disiarkan penerbitannya ke seluruh dunia Islam yang lain.

Pengarang.

Terjemahan: Abdul Aziz al-Murshidi

## Kata Shaykh Nadīm Memukakan Seruannya

Dengan perantaraan pos telah tiba kepada saya sebuah risalah kecil yang bertajuk: “Kitab Luar Biasa Mengenai Surah-surah Al-Qur’an Mengikuti Penyampaian Ilahi”. Melihat kepada tajuk risalah itu yang mengandungi jumlah kata berbunyi: (...Mengikuti Penyampaian Ilahi) – sebagai ganti daripada tajuk yang biasa digunakan oleh penulis-penulis Islam (menurut susunan turun), adalah sangat menarik perhatian saya.

Kemudian perhatian saya tertumpu kepada kulit risalah itu – yang biasanya hanya mengandungi nama risalah dan nama pengarang sahaja – tetapi saya dapati tertulis padanya dua jumlah kata:

A–“Sebesar-besar rancangan agama yang dilaksanakan oleh seorang filsuf besar al-Mirza Baqir yang bergelar Ibrahim *dhī al-rūḥ al-‘aṭriyyah*.”

B – “Susunan ini (susunan Qur’an baru itu – P) bukanlah bermaksud untuk mengambil tempat al-Qur’ān *al-majīd* yang telah dikumpul dan disusun oleh al-Khalīfah al-Imām ‘Uthmān bin ‘Affān, tetapi tujuannya ialah untuk menolong meluaskan fahaman, dan pendapat serta melancarkan amalan dengan tidak merasa ragu-ragu, sebagaimana yang telah diterangkan oleh al-‘Allamah al-akbar al-Ustadh al-Jalīl al-Imām al-Shaykh Muhammad Abduh Mufti Mesir.”

Hati kecil saya bertanya: Adakah maksud menyusun Qur’an baru yang menyalahi susunan Saiyidina ‘Uthmān – yang telah diakui oleh para ulama dan seluruh kaum Muslimin itu – kerana penyusunannya hendak dipergunakannya untuk dirinya seorang sahaja (sebagai seorang ahli ijtihad di dalam Islam? – P), atau adakah tujuannya kerana hendak mengeluarkan

sebuah kitab bercorak ilmiah untuk menerangkan tarikh turunnya sesuatu surah dan susunan ayat di dalam Qur’an?

Saya menganggap dengan sangkaan yang baik, bahawa nama penerbit risalah ini adalah seorang saudagar yang ingin mencari kewangan (keuntungan) dengan melalui (mencetak Qur’an-Qur’an baru itu). Saya kenal kepadanya dari sejak empat puluh tahun.

Yang saya kenal ia adalah seorang Muslim yang beriman teguh, yang banyak berkorban untuk kepentingan Islam dan sentiasa mempertahankan agama yang dianutinya di halaman surat khabarnya (*al-Balāgh*) yang diterbitkan di Beirut. Oleh itu saya masih ragu-ragu hendak mengatakan bahawa pekerjaan (menerbitkan Qur’an baru itu) adalah ia yang melakukannya, sedang dengan kebijaksanaan dan keikhlasannya ia sendiri tentu mengetahui, bahawa pekerjaan itu adalah membawa kepada

## Seruan Terbuka

suatu fitnah besar lagi merbahaya di dalam agama Islam.

Kemudian saya menganggap dengan sangkaan yang buruk pula, mengenai dakwaan dari penerbit (Qur'an baru) itu yang mensifatkan bahawa usahanya adalah "sebesar-besar rancangan agama yang dilaksanakan oleh filsuf agung al-Mirza Baqir". Kalaupun penyusunan "Qur'an baru" itu dilakukan kerana semata-mata bertujuan untuk menerangkan susunan dan tarikh sesuatu surah atau sesuatu ayat itu diturunkan, maka usaha yang seumpama itu tidaklah boleh disifatkan sebagai suatu "rancangan agama yang besar", kerana sebelum ini beberapa banyak daripada bilangan para ulama Islam yang terkenal telah mengarang dan meyyusun beberapa buah kitab yang besar mengandungi keterangan tarikh susunan sesuatu surah dan sesuatu ayat Qur'an itu diturunkan.

Sangkaan buruk yang tersemat di hati kecil saya semakin bertambah, manakala saya membaca jumlah-jumlah kata yang tertulis di kulit risalah yang saya terima itu. Jumlah-jumlah kata itu adalah merupakan suatu penafian licin (untuk melepaskan diri) daripada sangkaan yang mengatakan bahawa susunan "Qur'an baru" itu bertujuan untuk mengambil tempat susunan lama di dalam al-Qur'an *al-majid* (yang ada sekarang ini). Ini adalah menunjukkan bahawa penafian yang dibuat dengan tujuan untuk melepaskan diri daripada sebarang tuduhan itu adalah suatu perkara yang masih di dalam keadaan

ragu-ragu dan samar-samar. Kalau sekiranya penyusunan Qur'an baru itu dilakukan dengan tidak ada perasaan ragu-ragu (berdasarkan pendapat jumhur ulama) nescaya kata-kata yang merupakan penafian untuk melepaskan diri daripada sebarang tuduhan itu tidak perlu ditulis oleh penyusunnya. Dan jumlah-jumlah kata yang berselindung di sebalik nama dua imam dan ulama yang terkenal iaitu al-Sayyid Rashid Rida dan al-Shaykh Muhammad Abdh itu tidak perlu pula diterangkan di dalam risalah memperkenalkan "Qur'an susunan baru" itu, kerana mengarang atau menyusun sesebuah kitab yang menerangkan tarikh dan sebab-sebab apa sesuatu surah atau ayat itu diturunkan Tuhan adalah suatu perkara yang harus dilakukan dan sebilangan besar daripada para ulama Islam telah pun melakukannya.

Untuk mengetahui lebih lanjut dan bagi menghilangkan perasaan ragu-ragu yang mengelubungi segenap jiwa saya, maka saya pun mulai membuka lembaran risalah itu untuk membaca lain-lain keterangan yang tertulis di dalamnya, saya baca isi kandungan risalah itu beberapa kali. Selepas itu perasaan ragu-ragu saya bukannya semakin hilang malahan bertukar menjadi bingung seolah-olah seperti seorang yang kehilangan akal. Saya dapati bahawa (munculnya Qur'an baru yang mengikuti susunan turunnya sesuatu surah itu adalah mengorbankan kesuciaan al-Qur'an susunan Saiyidina 'Uthmān). Pada ketika itu juga tergambarlah di hadapan saya (suatu pertelingkahan akan berlaku) sebagaimana ramalan saya, salah seorang ulama dari para ulama

ketika ia membaca isi kandungan risalah itu akan berkata:

"Sesungguhnya akan berlakulah suatu pertikaman lidah mengenai Qur'an susunan baru itu.

Pertikaman lidah itu akan berlaku di kalangan cerdik pandai agama yang terdiri daripada kawan dan lawan (orang-orang Islam dan yang bukan Islam). Di dalam pertelingkahan itu kelak akan timbullah beberapa perselisihan faham dan bersalahan pendapat dengan menggunakan perkataan "*qīla* dan *qāla*".

Saya mengemukakan "Seruan Terbuka" ni terhadap sekalian kaum Muslimin (yang terdiri daripada segala golongan dan peringkat) dengan tujuan supaya mereka dengan serentak menentang pertelingkahan-pertelingkahan yang akan berlaku ini habis-habisan sebelum ia dapat menjalar dan merosakkan perpaduan umat Islam seluruhnya. Di samping itu saya berharap daripada semua negara-negara Arab dan Islam mengambil suatu sikap yang keras dan tegas melarang Qur'an baru (yang menyalahi susunan Saiyidina 'Uthmān) itu dibawa masuk dan dicetak di dalam negara-negara Arab dan Islam demi untuk menjaga fitnah dan ancaman yang paling merbahaya yang belum pernah terjadi sebelumnya di dalam sejarah perkembangan agama Islam.

### **Qur'an Susunan Saiyidina 'Uthmān Adalah Diakui Sah:**

Meskipun pada mulanya didapati beberapa pendapat yang berlainan tentang susunan surah-surah al-Qur'an itu, tetapi suatu keputusan muktamad telah dicapai pada zaman Saiyidina 'Uthmān bin 'Affān *radīya Allāhu 'anhu* pada menetapkan

## Seruan Terbuka

susunan surah dan ayat di dalam al-Qur'ān. Susunan (yang telah diakui sah oleh Saiyidna 'Uthmān dan para sahabat di zaman itu dan diakui sah pula oleh *jumhūr al-'ulamā'* hingga ke zaman ini) ialah susunan yang mengikuti tertib "*al-Maṣḥaf al-'Uthmānī*" (yang dipakai oleh orang-orang Islam hingga sekarang ini – P). Adapun susunan cara lain (yang didapati di dalam perselisihan sewaktu menyusun surah-surah dan ayat-ayat al-Qur'ān itu – P) semuanya telah dibakar. Keputusan muktamad ini telah diambil berdasarkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Saiyidina 'Uthmān bin 'Affan *raḍīya Allāhu 'anhu* telah mengumpulkan al-Qur'ān menurut surah-surah dan ayat-ayat yang terdapat (sah) di dalam mashafnya (yang dinamakan "*al-Maṣḥaf al-'Uthmānī*") dan beliau telah memerintahkan supaya dibakar kesemua mashaf-mashaf (al-Qur'ān) yang tidak mengikuti susunan-susunan yang telah disahkan itu.

2. Kesemua qari-qari yang terdiri daripada *ḥuffāz* (orang-orang yang hafaz al-Qur'ān) dan para sahabat telah sepakat mengakui akan surah-surah dan ayat-ayat al-Qur'ān sebagaimana yang terdapat di dalam "*al-Maṣḥaf al-'Uthmānī*" (al-Qur'ān susunan Saiyidina 'Uthmān) tidak ada seorang jua pun di antara mereka yang menyalahi atau menentangnya, kalau sekiranya susunan surah-surah dan ayat-ayat (di dalam al-Qur'ān yang telah disusun oleh Saiyidina 'Uthmān) itu bersalahan atau bertentangan pendapat

mereka, maka tentulah selama ini mereka tidak mendiamkan diri, sedangkan cara susunan surah-surah dan ayat-ayat di dalam "*Maṣḥaf 'Uthmān*" ini telah berlanjutan dipergunakan atau diamalkan oleh orang-orang Islam sejak dari zaman Saiyidina 'Uthmān masih hidup hingga ke zaman kebelakangan selama empat belas abad hingga ke hari ini.

3. Setelah Saiyidina 'Uthmān selesai mengumpulkan al-Qur'ān di dalam sebuah mashaf (berbentuk kitab) maka baginda pun mengirinkan satu nashkah daripadanya ke negeri-negeri yang telah ditakluki oleh Islam dan memerintahkan yang lainnya hendaklah dibakar. Sekalian para sahabat, *ḥuffāz* dan *qurā'* menerima perintah membakar Qur'an-Qur'an (yang menyalahi susunan Saiyidina 'Uthmān) itu dengan hati yang reda dan mereka lantas melaksanakan perintah tersebut. Di antara mereka itu ialah Saiyidina 'Alī bin Abī Ṭālib *karama Allāhu wajhah* yang pernah berkata: "Kalau sekiranya 'Uthmān tidak mahu melakukan yang demikian itu, nescaya sayalah yang akan melakukannya". [Lihat kitab *Faḍā'il al-Qur'ān li Ibn Kathīr*].

4. Daripada dalil-dalil yang diakui oleh al-Imām Abū Bakr al-Anbārī ia telah berkata: "...Barang siapa yang mendahulukan sesuatu surah al-Qur'ān (yang telah diatur menurut susunan *Maṣḥaf 'Uthmān*) atau membelakangkannya, maka ia telah merosakkan susunan al-Qur'ān itu" [Lihat kitab *al-Itqān li al-Suyūṭī* penggal pertama muka surat 77 dan berikutnya].

5. Untuk menyakinkan (bahawa *Maṣḥaf 'Uthmān* itu adalah diakui

sah oleh para *jumhūr al-'ulamā'*) maka al-Sayyid Rashid Rida *rahimahu Allāh* sendiri pernah menegaskan bahawa susunan kesemua surah-surah yang tercatat di dalam *Maṣḥaf 'Uthmān* itu adalah bersifat (*tawqīfī* (\*)) daripada Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, ini sebagai menentang pendapat Ibn Kathīr yang mengatakan: "Bahawa susunan surah-surah al-Qur'ān daripada *Amīr al-Mu'minīn* 'Uthmān bin 'Affan itu adalah salah". Malahan al-Sayyid Rashid Rida tidak menerima pendapat al-Imām al-Bayhaqī yang berkata: "Sesungguhnya tertib susunan kesemua surah-surah di dalam al-Qur'ān itu adalah "*tawqīfī*" daripada Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* melainkan dua surah, iaitu surah "al-Anfāl dan surah al-Barā'ah" (atau lebih terkenal dengan nama surah al-Tawbah). Al-Imam al-Bayhaqī adalah mengecualikan "surah al-Anfāl dan surah al-Barā'ah" daripada susunan yang bersifat "*tawqīfī*", sedang al-Sayyid Rashid Rida menolak pendapat ini dengan katanya: "Tidaklah termasuk pada akal Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* menyusun kesemua surah-surah (di dalam al-Qur'ān) dengan mengecualikan surah "al-Anfāl dan al-Barā'ah". Kemudian beliau berkata pula: "Pada hakikatnya susunan kedua-dua surah itu pada tampaknya adalah "*tawqīfī*" sekalipun Saiyidina 'Uthmān tidak menyusunnya ataupun ia lupa menyusunnya, kalau tidak tentulah *jumhūr al-'ulamā'* menentangnya atau membahasnya pada ketika al-Qur'ān itu ditulis." (Lihat analisa al-Sayyid Rashid Rida di dalam kitab *Tafsīr Ibn Kathīr* yang dicetak bersama dengan kitabnya "*Faḍā'il al-Qur'ān*" cetakan *al-Manār* di Mesir).

\* *Tawqīfī*: Yakni yang ditentukan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*.

## Seruan Terbuka

6. Demikianlah ternyata dengan jelas bahawa perkataan al-Sayyid Rashid Rida (di dalam kitabnya Sejarah Hidup al-Shaykh Muhammad Abduh Mengenai al-Mirza Baqir *rahimahu Allāh*. (Sesungguhnya ia al-Mirza Baqir) menyusun al-Qur’ān mengikut tertib turunnya sesuatu surah atau ayat adalah bertujuan untuk menolong meluaskan fahaman dan pendapat serta melancarkan amalan dengan tidak merasa ragu-ragu). Al-Sayyid Rashid di dalam kitabnya itu tidak ada menyinggung dan tidak pula memberikan sebarang fatwa bagi mengharuskan penyusunan al-Qur’ān cara baru yang menyalahi susunan mashaf Saiyidina ‘Uthmān – sebagaimana dakwaan penyusun al-Qur’ān baru itu yang semata-mata untuk menggelirukan orang ramai dengan mengatakan bahawa harus menyusun al-Qur’ān dengan cara baru itu adalah dari perkataan atau pendapat al-Sayyid Rashid Rida yang tersebut di dalam kitabnya itu. (Sedangkan al-Sayyid Rashid Rida tidak pernah mengharuskan cara-cara susunan al-Qur’ān baru yang bertentangan dengan susunan mashaf Saiyidina ‘Uthmān).

Malahan perkataan al-Sayyid Rashid Rida yang berbunyi: “...Adalah bertujuan untuk meluaskan fahaman dan pendapat serta melancarkan amalan dengan tidak merasa ragu-ragu” itu, adalah mengandungi pengertian bahawa tidak harusnya mencetak al-Qur’ān menurut tertibnya sesuatu surah atau ayat di dalam bentuk sebuah mashaf baru yang menyerupai al-Qur’ān. Tetapi yang diharuskan oleh syarak ialah menyusun sebuah kitab yang

menerangkan tarikh dan sebab-sebab sesuatu surah atau ayat-ayat itu diturunkan yang lengkap dengan dalil dan hujahnya. Perkataan daripada al-Sayyid Rashid Rida itu ialah bertujuan untuk melepaskan al-Mirza Baqir daripada tuduhan mencipta sebuah Qur’an baru yang surah-surah dan ayat-ayatnya bertentangan dengan susunan yang terdapat di dalam mashaf Saiyidina ‘Uthmān. Ternyata bahawa perkataan yang ditulis oleh al-Sayyid Rashid Rida di dalam kitabnya itu adalah diambil daripada perkataan al-Mirza Baqir sendiri ketika ia menemui al-Sayyid Rashid Rida untuk menerangkan tujuannya menyusun al-Qur’ān (yang tidak berbentuk sebuah mashaf) mengikut tertib turunnya.

Perkataan-perkataannya yang ditulis oleh al-Sayyid Rashid Rida mengenai pertemuannya dengan al-Mirza Baqir itu adalah menunjukkan bahawa al-Mirza Baqir sendiri tidak bertujuan untuk mencabar orang-orang Islam di seluruh dunia dengan mencipta sebuah Qur’an baru di dalam bentuk mashaf yang baru.

Perbuatan yang seumpama ini tidak sekali-kali terlintas di fikirannya. Kalau ada orang yang cuba melakukannya, maka beerti ia akan menyalakan suatu fitnah besar di dalam Islam. Fitnah ini pasti akan ditentang habis-habisan oleh orang-orang Islam yang berada di seluruh negara-negara Arab dan Islam di seantero dunia.

Inilah maksud saya menulis sebuah makalah yang berupa “Seruan Terbuka” ini kepada sekalian orang-orang Islam dari segenap peringkat dan lapisan serta berharap kepada majalah tuan yang luas pengeluarannya di dalam

negeri-negeri Arab dan negara Islam menyeru ketua-ketua, pemimpin-pemimpin dan penganjur-penganjur Islam yang mempunyai kekuasaan penuh di dalam negeri-negeri Arab dan negara-negara Islam seluruhnya termasuk para alim ulama, majalah-majalah dan surat khabar-surat khabar yang berdasarkan keislaman supaya mereka mengatur satu barisan serentak bagi menentang fitnah dan ancaman yang ini sebelum ianya menjalar ke seluruh dunia Islam.

Kiranya boleh seruan ini hendaklah disiarkan pada tiap-tiap bilangan majalah dan surat khabar-surat khabar yang diterbitkan oleh orang-orang Islam dengan secara meluas dan besar-besaran, supaya mendapat perhatian penuh daripada pemerintah, para alim ulama dan para penulis Islam. *Wa Allāhu al-musta’ānu wa huwa subhānahu al-qā’il: (Innā nahnu nazzalnā al-dhikra wa innā lahū lahāfifzūn).*

Al-Shaykh

Nadim al-Jasser

Dipetik dan diterjemahkan daripada:

**Majalah al-Wa’y al-Islāmī,**

(Bilangan 40 keluaran

bulan Rabī‘ al-Thānī 1388H.).

### Harga Langganan Majalah Qalam

6 Bulan	\$3.60
1 Tahun	\$7.20
Senaskah	\$0.60

Termasuklah belanja *post*.

Pesanlah kepada:

Penerbitan Qalam

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.